

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN- BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

- KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2022

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

- KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2022

1.1. Jabatan Audit Negara (JAN) komited membantu Kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem *Auditor General's Dashboard* (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan maklumat dengan cepat dan pantas mengenai tindakan yang sedang/telah diambil dengan mengemas kini maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua *stakeholders* yang berkaitan dan pihak awam secara keseluruhannya.

1.2. Sejak tahun 2012, status tindakan bagi isu LKAN dipaparkan melalui sistem AGD. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN oleh kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan. Ia sekaligus dapat memperbaiki prestasi tadbir urus penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.

1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon lampu isyarat lalu lintas iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan)**, **Kuning (dalam tindakan)** dan **Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

1.4. Susulan Audit secara dalam talian melalui sistem AGD tersebut membantu bagi memastikan isu Audit serta syor berkaitan dengan isu yang dilaporkan disusul dan tindakan penambahbaikan telah diambil oleh kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Perenggan 42, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 menyatakan "Auditors should follow up previous audit findings

and recommendations wherever appropriate. Follow-up should be reported appropriately in order to provide feedback to the legislature together, if possible, with the conclusions and impacts of all relevant corrective actions.”

1.5. Tindakan susulan melalui sistem AGD dan diikuti dengan pelaporan mengenai status susulan tersebut dalam laporan mulai LKAN Tahun 2021 Siri 1 adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8), Akta Audit 1957 [Akta 62] yang memperuntukkan “walau apa pun peruntukan seksyen ini, Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai apa-apa perkara yang berbangkit daripada pelaksanaan mana-mana tugasnya atau penjalanan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan boleh mengemukakan satu salinan mana-mana laporan sedemikian kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri atau kepada seseorang Menteri”.

1.6. Status tindakan bagi isu mengenai **aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan** telah dilaporkan mulai LKAN 2021 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 3 Ogos 2022. Pelaporan meliputi liputan susulan Audit dan status isu masih dalam tindakan mengikut kementerian.

1.7. Kedudukan liputan susulan terhadap isu Audit mengikut kementerian bagi LKAN Tahun 2011 hingga 2021 Siri 1 setakat 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN ISU MENGIKUT KEMENTERIAN SETAKAT 31 DISEMBER 2022

| BIL. | KEMENTERIAN | LKAN TAHUN 2011 HINGGA 2021 SIRI 1 | |
|------|---|---------------------------------------|---|
| | | BILANGAN KAJIAN (Bilangan Diaudit) | SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul) |
| 1. | Jabatan Perdana Menteri (JPM) | 39 | 414 |
| 2. | Kementerian Kewangan (MOF) | 35 | 260 |
| 3. | Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) [*Kementerian Perladangan dan Komoditi] | 9 | 83 |
| 4. | Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) [*Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan] | 20 | 236 |
| 5. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) [*Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah] | 16 | 187 |
| 6. | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) [*Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | 8 | 76 |
| 7. | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) | 2 | 15 |
| 8. | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) [*Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup] | 6 | 55 |
| 9. | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) | 1 | 22 |

| BIL. | KEMENTERIAN | LKAN TAHUN 2011 HINGGA 2021 SIRI 1 | |
|---------------|--|---------------------------------------|---|
| | | BILANGAN KAJIAN (Bilangan Diaudit) | SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul) |
| 10. | Kementerian Kerja Raya (KKR) | 30 | 198 |
| 11. | Kementerian Pengangkutan (MOT) | 18 | 281 |
| 12. | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) | 4 | 17 |
| 13. | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) | 7 | 53 |
| 14. | Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) [*Jabatan Wilayah Persekutuan di Bawah Jabatan Perdana Menteri] | 14 | 124 |
| 15. | Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) [*Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | 4 | 21 |
| 16. | Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) [*Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | 13 | 113 |
| 17. | Kementerian Kesihatan (KKM) | 27 | 218 |
| 18. | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) [*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan] | 14 | 149 |
| 19. | Kementerian Belia dan Sukan (KBS) | 7 | 75 |
| 20. | Kementerian Sumber Manusia (KSM) | 8 | 68 |
| 21. | Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) [*Kementerian Komunikasi dan Digital] | 13 | 99 |
| 22. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) | 6 | 41 |
| 23. | Kementerian Pertahanan (MINDEF) | 19 | 129 |
| 24. | Kementerian Dalam Negeri (KDN) | 34 | 227 |
| 25. | Kementerian Pendidikan (KPM) | 42 | 394 |
| 26. | Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) [*Kementerian Pendidikan Tinggi] | 37 | 325 |
| JUMLAH | | 433 | 3,880 |


Sumber: Data Dijana Daripada Sistem AGD Pada 31 Disember 2022

Nota: Statistik Yang Dipaparkan Adalah Berdasarkan Kementerian Pada Tahun Diaudit

1.8. Setakat 31 Disember 2022, terdapat 3,880 isu telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2011 hingga 2021 Siri 1 mengenai aktiviti kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 3,674 isu (94.7%) daripada keseluruhan isu tersebut telah selesai manakala 206 isu (5.3%) masih dalam tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi Persekutuan berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

* Nama Baharu Kementerian Selepas Perubahan Kerajaan Berikutan Pilihan Raya Umum Ke 15


CARTA 1
STATUS TINDAKAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2011 HINGGA 2021 SIRI 1 SETAKAT 31 DISEMBER 2022



Sumber: Data Dijana Daripada Sistem AGD Pada 31 Disember 2022

1.9. Statistik status tindakan isu LKAN mengenai aktiviti kementerian/jabatan/agensi Persekutuan mengikut Kementerian adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN
MENGIKUT KEMENTERIAN SETAKAT 31 DISEMBER 2022




Sumber: Data Dijana Daripada Sistem AGD Pada 31 Disember 2022

Nota: Statistik Yang Dipaparkan Adalah Berdasarkan Kementerian Pada Tahun Diaudit

1.10. Setakat 31 Disember 2022, sejumlah 206 (5.3%) daripada 3,880 isu yang masih Dalam Tindakan adalah melibatkan LKAN Tahun 2015 hingga 2021. Bilangan isu Dalam Tindakan tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1 iaitu sebanyak 74 isu. Selain itu, tiga isu Dalam Tindakan bagi LKAN Tahun 2015 yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016 adalah melibatkan Kementerian Pengangkutan.

1.11. Butiran terperinci dan kedudukan terkini isu yang berstatus dalam tindakan bagi LKAN **2015 hingga 2021** boleh diakses melalui sistem AGD. Imbasan *QR Code* di bawah akan memaparkan kedudukan terkini status isu secara ‘real time’.



Sumber: Data Dijana Daripada Sistem AGD pada 31 Disember 2022

Nota: 1. Tiada Isu yang Belum Selesai bagi Tahun 2016

2. Maklumat yang Dipaparkan Semasa Imbasan melalui *QR Code* Adalah Yang Terkini

1.12. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan adalah disyorkan untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan secara berterusan. JAN berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan korektif dan penambahbaikan yang bersesuaian diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD.

